

## ANALISIS PERUNTUKAN KESALAHAN GALAKAN MAKSIAT DALAM PERUNDANGAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abd Hamid, Norita Kamaruddin.

[azizahrashid@kuis.edu.my](mailto:azizahrashid@kuis.edu.my), [noradha@kuis.edu.my](mailto:noradha@kuis.edu.my), [norita@kuis.edu.my](mailto:norita@kuis.edu.my)

### Abstrak

*Kerosakan akhlak yang membarah dalam masyarakat pada hari ini memperlihatkan usaha yang dilakukan bagi mencegah masalah tersebut kurang memberi impak dan implikasi yang berkesan. Perbuatan persetubuhan haram, sumbang mahram, pergaulan bebas dan sebagainya merupakan antara contoh kerosakan akhlak yang jelas bertentangan dengan prinsip memelihara maqasid syariah, khususnya menjaga nasab dan keturunan. Dari perspektif perundangan syariah, pencegahan perlakuan-perlakuan ini perlulah dimulakan dengan pencegahan terhadap segala perlakuan yang boleh menggalakkan perlakuan tersebut yang dianggap sebagai maksiat. Penulisan ini bertujuan menganalisis kesalahan galakan maksiat dan penguatkuasaan undang-undang dalam enakmen kesalahan jenayah syariah di Malaysia. Penulisan ini menggunakan kerangka kajian kualitatif melalui kajian kepustakaan dan temu bual. Penulisan ini seterusnya mencadangkan beberapa saranan terhadap permasalahan yang dikenalpasti seperti perlunya tafsiran kesalahan maksiat yang lebih jelas dalam peruntukan bagi memudahkan penguatkuasaan dan pihak penguatkuasa perlu lebih tegas bertindak menangani kesalahan galakan maksiat mengikut skop bidangkuasa yang diperuntukkan kepadanya.*

*Keywords:* akhlak, galakan maksiat, penguatkuasaan, undang-undang jenayah syariah.

### 1.0 Pengenalan

Islam telah menetapkan jalan yang terbaik bagi manusia untuk dilalui dan jalan yang keji serta maksiat yang patut dihindari sama sekali berdasarkan Al-Quran Al-Sunnah. Mereka akan selamat jika memilih jalan yang *ma'aruf* dan akan binasa sekiranya mengikut jalan yang mungkar. Al-Quran menganggap semua perbuatan yang terkeluar dari perintah Allah S.W.T adalah disifatkan sebagai maksiat (Mohammad Sofwan.1996).

Justeru, menggalakkan maksiat seperti penganjuran program-program atau aktiviti-aktiviti berunsur maksiat melibatkan pergaulan lelaki dan wanita yang melampaui batas atau mendorong orang lain melakukan maksiat seperti mendedahkan aurat yang menggiurkan, melakukan seks dan sebagainya sewajarnya ditentang secara serius kerana ia jelas bertentangan dengan perintah Allah S.W.T supaya meninggalkan maksiat.

Penulisan ini bertujuan menganalisis peruntukan dan penguatkuasaan terhadap kesalahan menggalakkan maksiat yang diperuntukkan dalam enakmen kesalahan jenayah syariah bagi melihat sejauh mana ia dikuatkuasakan. Meskipun hampir kesemua enakmen kesalahan jenayah syariah negeri mempunyai peruntukan berkaitannya, namun didapati, kesalahan tersebut sangat jarang dikuatkuasakan atas alasan-alasan seperti peruntukan kesalahan yang terlalu umum dan penganjuran program telah dilulusan serta mamatuhi syarat pihak berkuasa.

## 2.0 Metodologi

Kajian dan penulisan ini dibina atas kerangka kajian perundangan tulin dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Data dikumpul melalui kajian kepustakaan dan temu bual bagi mendapatkan beberapa maklumat berkaitan yang diperlukan. Beberapa enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri dianalisis secara kritis bagi mencapai objektif penulisan ini.

## 3.0 Maksiat dan Konsep Pencegahan

Perkataan maksiat berasal daripada perkataan arab yang berbunyi عصي ، عصيا ، معصية (Ibn Manzur, 1969) yang membawa maksud derhaka atau melanggar perintah Allah S.W.T, terkeluar dari ketaatan terhadap Allah S.W.T dan meninggalkan suruhanNya, menyimpang dari jalan-jalanNya dan menderhaka dari sesuatu jalan yang telah ditetapkan. (Ensiklopedia Islam, 1998.)

Perkataan maksiat banyak dijelaskan dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Ia merupakan perbuatan yang melanggar perintah Allah S.W.T (Zainal Abidin Safarwan. 1995). Ini dapat

dilihat dalam dalam beberapa ayat al-Quran dan hadith seperti berikut Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Nuh berkata, "Ya Tuhan, sesungguhnya mereka durhaka kepadaku dan mereka mengikuti orang-orang yang berharta dan anak-anaknya hanya menambah kerugian baginya."

Surah Nuh (71):21

Ayat ini menunjukkan tentang keingkaran umat Nuh menerima ajaran Allah S.W.T walaupun baginda telah berdakwah selama 950 tahun.

Dalam ayat lain Allah berfirman tentang sifat melampau Fir'aun dengan maksiat yang dilakukan yang bermaksud:

"Lalu(Musa) memperlihatkan kepadanya mukjizat yang besar. Tetapi Fir'aun mendustakan dan mendurhakai."

Surah An-Naziat (79):20-21

Al-Quran juga telah menjelaskan orang-orang yang melakukan maksiat di dunia dan mendapat balasan di akhirat (Dr. Haron Din. tt). Sepertimana firmanNya yang bermaksud:

"Dan barang siapa mendurhakai Allah S.W.T dan RasulNya dan melanggar batas-batas hukumNya, nescaya Allah S.W.T memasukkannya ke dalam api neraka, dia kekal di dalarannya dan dia akan mendapat azab yang menghina."

Surah An-Nisa (4):14

Daripada dalil-dalil di atas dapatlah dikatakan bahawa maksiat itu ialah setiap bentuk dan tindakan zahir dan batin yang bertentangan dengan peraturan yang telah di tetapkan dan yang telah digariskan oleh Allah S.W.T di dalam kehidupan individu, masyarakat dan negara. Sebagai implikasinya mereka akan mendapat pembalasan daripada Allah S.W.T di akhirat kelak.

Islam melarang umatnya melakukan maksiat berdasarkan konsep "*Amar Ma'aruf Nahi Munkar*". Ia merupakan satu konsep yang memerlukan tanggungjawab semua pihak dalam

membenteraskan maksiat (Muhammad· Ru'wais Qul'asji. 2000). Dalam al-quran, Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

"Dan hendaklah ada diantara kamu satu puak yang rnenyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta rnelarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

Surah Al-Irnran (3): 104

Terdapat berbagai peringkat dalam melaksanakan pencegahan maksiat berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

"Daripada Abi Said al-Khudri r.a berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a. w sedang bersabda: Sesiapa dari kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah kamu ubah kemungkaran itu dengan kuasa yang ada pada kamu, jika tidak berdaya maka hendaklah ubah dengan lidah kamu (nasihat) dan kalau kamu tidak berkuasa juga, maka hendaklah kamu ubah dengan hati kamu, itu adalah selemah-lemah iman".

Dalam hadis di atas, Rasulullah s.a.w. telah menerangkan tentang usaha-usaha untuk mencegah kemungkaran. Sekiranya seseorang muslim itu melihat kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya mengikut kemampuannya. Dalam hal ini, hendaklah ia mencegahnya dari tahap tertinggi sehingga kepada tahap yang terendah iaitu dari mencegah menggunakan tangan hingga mencegah dengan hanya menggunakan hati. (Abd al-Wahab bin Latif. 1998)

Berdasarkan hadith di atas, difahami bahawa Islam telah menggariskan tiga pilihan pencegahan untuk diaplikasikan mengikut kemampuan seperti berikut:

- 1) Kekuasaan: Peringkat pertama ialah mencegah dengan kuasa yang ada pada seseorang muslim. Tugas ini dilakukan oleh individu yang berpengaruh seperti khalifah, sultan, menteri dan hakim yang dilantik khas oleh pihak yang bertanggungjawab (Al-Dhuwaihi, Ali bin Saad. 2003). Pihak-pihak yang disebutkan di atas adalah orang-orang yang berkuasa dalam sesebuah negara Islam untuk mencegah kemungkaran yang berlaku supaya mereka boleh menjalankan hukuman yang adil dan saksama. Maka dengan itu dapatlah diketahui bahawa

kekuasaan adalah merupakan faktor utama untuk mlarang manusia dari melakukan kemungkaran. Melalui kekuasaan yang dimiliki oleh mereka yang berkuasa merubah kemungkaran ini, akan dapat mencegah, menasihati dan menghukum mereka yang melakukan kejahanan sehingga timbul keinsafan dalam dirinya serta bertaubat kepada Allah s.w.t. (Ibnu Abdul Rahman. 1998).

- 2) Tutur kata: Peringkat kedua adalah mencegah gejala maksiat dengan menggunakan lidah. Ia boleh dilakukan dengan cara menasihati, menegur dan memberi amaran.( Al-Dhuwaihi, Ali bin Saad. 2003). Kadangkala pujukan juga boleh digunakan supaya kejahanan ditinggalkan, malah adakalanya cara ini lebih berkesan berbanding menggunakan tangan. Cara ini sesuai bagi mereka yang mudah untuk menerima teguran orang lain dan mudah untuk berbincang.
- 3) Benci di dalam hati: Peringkat ketiga adalah tahap yang terakhir iaitu mencegah kemungkaran melalui hati. Walaupun kesannya tidak begitu ketara, namun kadangkala impaknya lebih baik dari kuasa dan lisan. ( Al-Dhuwaihi, Ali bin Saad. 2003). Tindakan ini boleh dilakukan dengan menjauhkan diri dari individu yang terlibat dengan kejahanan ini. Tujuannya ialah supaya dirinya sedar bahawa dirinya tidak disenangi dan tidak dipedulikan oleh masyarakat sekeliling. Lantaran itu, kemungkinan akan timbul kesedaran dalam dirinya. (Ibnu Abdul Rahman. 1998).

Sementara Islam menganjurkan konsep menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dengan kaedah-kaedah yang bersesuaian, kita tidak dapat lari dari pelbagai bentuk cabaran dan usaha-usaha ke arah menggalakkan maksiat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab atau memahami kosep amar makruf nahi mungkar. Terdapat pelbagai bentuk penganjuran, galakan atau dorongan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu untuk melakukan maksiat. Perbuatan tersebut jelas bertentangan dengan konsep pencegahan maksiat yang dipertanggungjawabkan dalam Islam. Persoalannya, adakah perlakuan tersebut menjadi kesalahan dana apakah tindakan yang boleh dilakukan ke atas individu atau pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tersebut menurut peruntukan undang-undang jenayah syariah?

#### 4.0 Analisis Peruntukan Kesalahan Menggalakkan Maksiat dalam Perundangan Jenayah Syariah di Malaysia

Yusuf al-Qardhawi (2012) sangat menekankan kepentingan dan keperluan undang-undang dalam pembentukan masyarakat kerana pensyariatan atau perundangan merupakan nilai kekuatan yang utama bagi sesebuah masyarakat untuk mengatur perhubungannya dan menghukum sesiapa yang menyeleweng dari kaedahnya sama ada perundangan ini turun dari langit atau keluar dari bumi. Ini kerana hati nurani dan dorongan-dorongan jiwa tidak mencukupi untuk memelihara keselamatan masyarakat serta strukturnya dari segi material dan moral, serta menegakkan keadilan di kalangan manusia.

Penelitian terhadap enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia mendapati majoriti negeri mempunyai peruntukan berkaitan menggalakan maksiat dan menjadikan ia sebagai satu kesalahan. Sebagai contoh, seksyen 35 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan:

*“Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”*

Perkataan maksiat tidak ditafsirkan dalam mana-mana enakmen kesalahan jenayah syariah negeri secara khusus bagi merujuk kepada apa-apa perbuatan atau perlakuan. Implikasinya, tanpa tafsiran yang khusus ia bererti tafsirannya adalah terlalu umum dan tentunya boleh merangkumi apa sahaja perlakuan maksiat yang dimaksudkan dalam Islam.

Analisis terhadap peruntukan-peruntukan tersebut mendapati terdapat sedikit perbezaan pada hukuman kesalahan tersebut melibatkan beberapa buah negeri seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.1

| Negeri                 | Peruntukan kesalahan  |
|------------------------|---|
| Kelantan<br>Seksyen 23 | <ul style="list-style-type: none"><li>- denda tidak melebihi RM500 atau</li><li>- penjara selama tempoh tidak melebihi 4 bulan atau kedua-duanya.</li></ul> |

|                                   |   |
|-----------------------------------|---|
|                                   |   |
| Johor<br>Seksyen 35               |   |
| Pulau Pinang<br>Seksyen 35        |   |
| Kedah<br>Seksyen 31               | <ul style="list-style-type: none"> <li>- didenda tidak melebihi RM5000 atau</li> <li>- penjara tidak melebihi 3 tahun atau</li> <li>- kedua-duanya.</li> </ul>  |
| Terengganu<br>Seksyen 42          |   |
| Sabah<br>Seksyen 89               |   |
| Perak<br>Seksyen 29               |   |
| Sarawak<br>Seksyen 32             |   |
| Wilayah Persekutuan<br>Seksyen 35 |   |
| Pahang<br>Seksyen 42              | <ul style="list-style-type: none"> <li>- denda tidak melebihi RM5000 atau</li> <li>- penjara tidak melebihi 3 tahun penjara atau</li> <li>- disebat tidak melebihi 6 kali kali atau</li> <li>- dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</li> </ul> |
| Perlis<br>Seksyen 22              | <ul style="list-style-type: none"> <li>- denda tidak melebihi RM1000 atau</li> <li>- penjara tidak melebihi 6 bulan atau</li> <li>- kedua-duanya.</li> </ul>  |

Jadual di atas menunjukkan galakan maksiat tidak diperlukan dalam Enakmen kesalahan jenayah syariah bagi negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Kelantan merupakan negeri yang memperuntukkan hukuman paling minimum dengan denda tidak melebihi RM500 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 4 bulan atau kedua-duanya diikuti dengan Perlis yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

Enakmen kesalahan jenayah syariah bagi kebanyakan negeri selain Kelantan dan Perlis memperuntukkan hukuman paling maksimum dengan denda tidak melebihi RM5000

atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya melainkan negeri Johor mempunyai tambahan pilihan sebat tidak melebihi 6 kali kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Berdasarkan penelitian terhadap peruntukan undang-undang dalam enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri, penulis berpandangan, perundangan jenayah syariah sedia ada menepati roh ajaran Islam yang berpaksikan kepada konsep *amar makruf, nahi munkar* kerana hampir semua enakmen mempunyai peruntukan bagi kesalahan menggalakan maksiat. Memperuntukkan galakan maksiat sebagai satu kesalahan membuktikan perundangan syariah memandang serius kepada tuntutan Islam iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, malah ia dilihat menjadi asas kepada proses penguatkuasaan undang-undang.

Menurut Siti Zubaidah (2014), apabila menyentuh tentang sesuatu pelaksanaan undang-undang, ia bukan hanya dilihat pada undang-undang *substantive* tetapi perlu melihat kepada seluruh sistem yang saling berkait melibatkan pelbagai agensi di segenap peringkat. Selari dengan pandangan tersebut, Daud Muhammad (2015) merumuskan tiga sistem yang memainkan peranan penting dalam sesuatu pelaksanaan undang-undang ialah penguatkuasaan dan siasatan, pendakwaan dan hukuman. Namun, bagi melihat sejauh mana penguatkuasaan terhadap peruntukan tersebut dilakukan, penulis telah menganalisis beberapa data yang diperolehi daripada informan yang ditemubual.

## **5.0 Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah Terhadap Galakan Maksiat: Realiti Semasa**

Menurut Musa Awang (2015), dalam urusan pentadbiran undang-undang jenayah syariah, ia diletakkan di bawah bidang kuasa setiap negeri dan jabatan yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan undang-undang jenayah syariah ialah Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kehakiman Syariah. Ia membabitkan beberapa agensi utama seperti Bahagian Penguatkuasaan yang bertanggungjawab menanganinya sebelum kes diserahkan kepada Bahagian Pendakwaan. Setiap Bahagian Penguatkuasaan diketuai oleh seorang Ketua Penguatkuasa Agama. Pegawai Penguatkuasa Agama merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan penguatkuasaan enakmen jenayah syariah negeri. (Siti Zubaidah, 2016)

Bagi memberi gambaran tentang sejauh mana penguatkuasaan terhadap peruntukan tersebut dilakukan, penulis telah menemubual beberapa orang informan bagi mendapatkan maklumat. Menurut Pegawai Penguatkuasa Agama Johor yang ditemubual, definisi menggalakkan maksiat dalam peruntukan sedia ada tidak jelas dan membuka kepada tafsiran yang berbeza-beza. Sehingga kini, di Negeri Johor, perbincangan masih dilakukan bagi menentukan apakah perbuatan yang memberi maksud menggalakkan maksiat menyebabkan akhirnya ia tidak dikuatkuasakan.

Di Terengganu, Ketua Hakim Syarie Terengganu, Yang Amat Arif Wan Mohd Zakri Bin Wan Mohd (2016) memaklumkan sepanjang pengalaman beliau menjadi hakim, belum ada kes yang didakwa di bawah peruntukan menggalakkan maksiat.

Menjelaskan hal mengapa tiada penguatkuasaan terhadap kesalahan menggalakkan maksiat di Sabah, Ketua Penguatkuasa Agama yang ditemubual, Abidin Ali Hassan (2016) memaklumkan penguatkuasaan tidak dapat dilakukan kerana terdapat pelbagai masalah seperti tafsiran galakan maksiat yang terlalu umum menyebabkan kesukaran timbul apabila penguatkuasaan hendak dilakukan. Menurut beliau lagi, walaupun pertuduhan menggalakkan maksiat boleh dikenakan ke atas mana-mana pihak yang menganjurkan persembahan berunsur maksiat, namun ia tidak dapat dilaksanakan kerana mereka memperolehi permit daripada pihak berkuasa lain. Sekiranya penguatkuasaan diteruskan, ia pasti akan menimbulkan konflik dan isu-isu lain.

Sama seperti apa yang berlaku di Johor, Terengganu dan Sabah, ketiadaan penguatkuasaan terhadap kesalahan menggalakkan maksiat turut diperakui di Kedah melalui temu bual yang dilakukan bersama Pegawai Penguatkuasa Agamanya, Sheikh Roshidi Haji Mahmud (2016). Hal ini memberi satu gambaran bahawa menggalakkan maksiat bukanlah menjadi fokus penguatkuasaan negeri-negeri yang lebih menumpukan perhatian kepada kesalahan-kesalahan lazim seperti khalwat dan persetubuhan haram.

Siti Zubaidah Ismail (2009) dalam penulisannya di mana masih terdapat banyak lagi penglibatan umat Islam dalam perbuatan-perbuatan tertentu tetapi tiada tindakan yang dapat diambil kerana masalah undang-undang itu sendiri. Beliau memberi contoh peruntukan berkaitan kesalahan menggalakkan maksiat yang tidak dapat dikuatkuasakan kerana

perkataan maksiat dalam konteks ini tidak diberikan maksud operasional menyebabkan ia sukar dikuatkuaskan oleh pihak berkenaan. Ini kerana apa-apa sahaja perbuatan yang melanggar perintah Allah merupakan maksiat. Menurutnya lagi, banyak pusat hiburan, pusat urut, refleksologi, pengajuran konsert dan sebagainya yang bercampur lelaki dan perempuan yang kelihatan seperti menggalakkan maksiat, tetapi tiada sebarang tindakan boleh diambil kerana bentuk dan *nature* kesalahan tersebut tidak diterangkan dalam proviso sedia ada. Menurut penulisan ini juga, pada sambutan malam tahun baru dan sebagainya, pelbagai bentuk parti dianjurkan dan semuanya membabitkan unsur tidak sihat termasuk seks. Lebih menjadi masalah, pengajuran aktiviti hiburan tersebut pula memberi alasan pengajuran tersebut mendapat kebenaran, berlesen dan mengikut syarat pihak berkuasa. Ada sesetengah negeri menggunakan peruntukan menggalakkan maksiat untuk mendakwa pemilik premis pelacuran apabila operasi dijalankan sekiranya pemilik tersebut beragama Islam. Dalam hal ini, pihak penguatkuasa agama akan sentiasa berhadapan dengan kontroversi dan campur tangan ‘pentafsir undang-undang’ yang tidak diingini.

Meskipun pihak penguatkuasa mempunyai alasan tersendiri sebagai justifikasi kepada ketiadaan penguatkuasaan terhadap peruntukan galakan maksiat, namun penulis berpandangan, dalam kekangan sedia ada, usaha perlu dilakukan agar undang-undang jenayah syariah tidak dilihat sebagai lemah atau tidak berfungsi dengan baik kerana perundungan syariah perlu selari dengan konsep *rahmatan lil alamin*.

## 6.0 Solusi dan Halatuju

Keberkesanan penguatkuasaan undang-undang tidak akan tercapai selagi mana terdapat kekangan dan halangan yang mengganggu proses pelaksanaannya. Namun tidak semua kekangan itu bersifat kekal dan tidak boleh diubah. Dalam konteks penguatkuasaan terhadap peruntukan ini, penulis berpandangan kita perlu melakukan transformasi minda dengan melihat kekurangan dan permasalahan itu sebagai satu kelebihan ke arah memperkasakan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah. Apa yang ditimbulkan sebagai kerumitan dalam menguatkuasakan peruntukan ini ialah tiada definisi operasional yang khusus bagi mentafsirkan kesalahan menggalakkan maksiat. Memandangkan tiada definisi yang khusus diberikan kepada maksud galakan maksiat, ia perlu dilihat sebagai satu kelebihan kerana apa-apa sahaja perbuatan yang berunsur menggalakkan maksiat boleh diambil tindakan di bawah peruntukan tersebut. Peruntukan yang bersifat lebih umum boleh

mengurangkan kesukaran dan kerumitan di peringkat pembuktian. Justeru, ia perlu dilihat sebagai satu peluang dan bukannya kekurangan yang boleh membantutkan pelaksanaan proses penguatkuasaan.

Galakan maksiat yang berlaku pada hari ini dapat dilihat dalam pelbagai bentuk. Ada yang dilakukan melalui pengajuran program atau aktiviti dan ada yang dilakukan menggunakan pelbagai jenis aplikasi dan teknologi. Penulis turut berpandangan perlakuan memuat naik video-video yang bertentangan dengan ajaran Islam bertujuan menggalakkan orang lain meniru, mencontohi dan menjadikan ia sebagai satu gaya atau ikutan seharusnya dikawal melalui penguatkuasaan undang-undang di bawah peruntukan ini kerana ia mendorong kepada mengajak orang lain melakukan maksiat.

Seterusnya merujuk kepada dilema yang sering menjadi halangan kepada pihak penguatkuasa agama berhubung pengajuran aktiviti barunsur maksiat yang telah mendapat kebenaran dan memenuhi syarat pihak berkuasa, penulis berpandangan pihak penguatkuasa agama perlu bersikap lebih tegas menjalankan penguatkuasaan di bawah skop dan bidang kuasanya tanpa terlebih dahulu mengalah seolah-olah mengiktiraf kuasa dan kebenaran yang diberikan oleh pihak berkuasa lain lebih tinggi mengatasi kuasa pihak berkuasa agama. Penguatkuasaan perlu dilakukan sekalipun wujud konflik antara dua bidang kuasa iaitu pelaksanaan penguatkuasaan di bawah undang-undang jenayah syariah dan pematuhan syarat pihak berkuasa lain di bawah undang-undang sivil. Sekiranya penguatkuasaan di bawah undang-undang jenayah syariah tidak diteruskan, selagi itulah konflik tersebut tidak dibangkitkan dan dibincangkan secara serius untuk medapatkan solusi dan penyelesaian.

Berdasarkan perbincangan di atas, penulisan ini berharap kedua-dua permasalahan yang menjadi kekangan kepada penguatkuasaan peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan menggalakkan maksiat tidak lagi dijadikan alasan, sebaliknya ia perlu dilihat sebagai satu kelebihan dan cabaran demi memartabatkan pelaksanaan undang-undang syariah.

## 7.0 Kesimpulan

Analisis terhadap dapatan yang diperolehi membawa kepada satu konklusi bahawa walaupun majoriti enakmen kesalahan jenayah syariah mempunyai peruntukan berkaitan kesalahan menggalakkan maksiat, namun sehingga kini peruntukan tersebut tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Dalam keadaan kita menyaksikan pelbagai bentuk galakan maksiat berlaku tanpa sebarang penguatkuasaan boleh dilakukan kerana alasannya adalah kelemahan peruntukan itu sendiri, maka apa yang boleh kita rumuskan adalah peruntukan sedia ada sangat lemah dan tidak cukup sempurna apatah lagi untuk menggerunkan pelaku kesalahan itu. Selagi mana kita selesa bersandarkan kepada alasan tersebut, selagi itulah kita perlu melihat dan merelakan masyarakat kita terus dipengaruhi oleh budaya-budaya tidak sihat melalui pengaruh yang disalurkan secara mudah melalui penganjuran aktiviti-aktiviti maksiat seperti persembahan pertandingan ratu cantik mak nyah, pertandingan fesyen yang menjolok mata, persembahan-persebahan aktiviti melibatkan percampuran lelaki dan wanita yang tidak terkawal serta mendedahkan aurat dan sebagainya.

Akhir sekali, penulis berpandangan segala perlakuan yang menjurus ke arah menggalakkan maksiat perlu dikekang dan dikenakan tindakan melalui penguatkuasaan undang-undang kerana galakan maksiat yang berlaku secara berleluasa dalam masyarakat membawa kepada implikasi kerosakan akhlak yang sangat membimbangkan.

## Rujukan

- Abd al-Wahab bin Latif. 1998. *Mua'lim al-Dakwah*. Maktabah al-Irshad. Sona'.
- Abidin Ali Hassan, Ketua Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Pejabat Ketua Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Tingkat 10, Blok A, Wisma MUIS, Beg berkunci 103, 88737 Kota Kinabalu, Sabah, 15 Disember 2016.
- Al-Dhuwaihi, Ali bin Saad. 2003. *Masirah al-Dakwah al-Islamiyah*. Riyadh: Dar Ibnu ai-Jauzi.
- Daud Muhammad. 2015. Falsafah pentadbiran keadilan jenayah syariah: satu penghayatan semula. *Kanun*. (27): 7-32.
- Ensiklopedia Islam. 1998. *Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad & Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia*. Kuala Lumpur.

Ibnu Abdul Rahman. 1998. *Ranjau-ranjau ke Syurga & Membangunkan Peribadi Berakhhlak*. Kuala Lumpur: Penerbitan Senada.

Haron Din. tt. *Manusia dan Islam*. Jil2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibnu Manzur. 1969. *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Al-Ihya' Al-Tharas Al-Arab.

Muhammad· Ru'wais Qu'l-asji. 2000. *Al-Mausuatul Al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar An-Nafae's.

Musa Awang. 2015. Di manakah kita dalam pemantapan pentadbiran keadilan jenayah syariah? *Kanun*. 27 (1): 55-84.

Sheikh Roshidi Haji Mahmud, Pegawai Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kedah, Bangunan Wan Mat Saman, Jalan Raja, 05676, Alor Setar, Kedah, 13 Jun 2016.

Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Zubaidah Ismail. 2014. Hudud dan undang-undang Jenayah Syariah dalam kerangka Perlembagaan dan sistem perundangan “dualisme”: komitmen pelaksanaan ke arah membendung jenayah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil. 22, Bil. 2: 193-212.

Siti Zubaidah Ismail. 2009. Tinjauan semula terhadap Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia. *Shariah Law Reports*. Vol. 2: 1-14.

Wan Mohd Zakri Bin Wan Mohd, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu, Pejabat Ketua Hakim Syarie, Aras 5, Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu, Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Sultan Mohamad, 21100 Kuala Terengganu, 19 Jun 2018.

Yusuf Al-Qardhawi. 2012. *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan*. Terj. Mohamaz Zaini Yahaya. Penerbitan Seribu Dinar.

Zainal Abidin Safarwan. 1995. Kamus Dewan Bahasa Melayu Utusan. Utusan Publication & Distributors sdn Bhd.

## Akta/Enakmen

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997

Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996

Enakmen Jenayah (Syariah) 1992

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992

Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013

Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995  
Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013  
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001